

# Kata-kata Sakti Pilihan Daripada al-Qur'ān, al-Hadīth dan Hukama'

(Dikumpul, diterjemah dan disusun oleh: Abdul Aziz al-Murshidi)

## Al-Qur'ān

Apa yang didatangkan oleh Rasul kepada kamu maka hendaklah kamu terima, dan apa-apa yang dilarangnya, maka hendaklah kamu hentikan. Dan takutlah kepada Allah, sesungguhnya Allah itu seksa-Nya tersangat pedih.

(Al-Hashr: 7)

\* \* \*

Kami wasiatkan kepada manusia, supaya ia berbuat kebaikan kepada kedua ibu bapanya, ibunya mengandungkan dia dengan berbadan lemah berlipat ganda — dengan melahir dan menyukannya — dan menceraikannya daripada menyusu sesudah dua tahun lamanya. Sebab itu hendaklah engkau berterima kasih kepada-Ku dan kepada kedua ibu bapamu. Kepada-Ku tempat engkau kembali.

(Sūrat Luqmān: 14)

\* \* \*

### Makna Ayat Di Muka Kulit

“Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang di jalan-Nya (dengan mengatur) satu barisan rapat, seolah-olah mereka itu satu binaan yang tersusun rapi.” (Sūrat al-Şaff:

4).

#### Peringatan:

Blok ayat yang menghiasi muka kulit majalah Qalam bilangan ini kita salin dari muka kulit majalah *al-Wa'y al-Islāmī*.

## Al-Hadīth

Mencari rezeki yang halal itu adalah suatu kewajipan hidup selepas daripada mengerjakan perkara-perkara yang wajib terhadap Tuhan.

(Shu'ayb al-Īmān)

\* \* \*

Setiap orang Muslim itu mempunyai enam tanggungjawab yang mesti dilaksanakan untuk seseorang Muslim yang lain. Tanggungjawab itu adalah seperti berikut:

1. Bila ia sakit hendaklah diziarahi.
2. Bila ia mati hendaklah dilawati jenazahnya.
3. Bila ia meminta sesuatu pertolongan di dalam keadaannya susah hendaklah ditolongi.
4. Bila bertemu dengannya di mana-mana juga hendaklah memberi salam kepadanya dengan mengatakan: “*Al-salāmu ‘alaykum wa rahmatu Allāh*”.

5. Bila ia bersin doakanlah untuknya dengan mengatakan: “Allah limpahkan rahmat ke atas tuan.”

6. Bila ia hadir ataupun ghaib hendaklah didoakan atas kebaikannya.

(Al-Nasā'ī)

\* \* \*

Sesungguhnya sedekah itu memadamkan api kemurkaan Tuhan dan menghindarkan seseorang itu daripada mati di dalam maksiat.

(Al-Tirmidhī)

## Hukamā'

Seseorang hamba itu tidak disuruh sampai terlalu menghina diri sewaktu melakukan perintah-perintah Allah. (Fuḍayl bin 'Ibād)

\* \* \*

Nikmat syurga itu tidak sekali-kali terlintas di fikiran orang-orang yang beribadah kepada Tuhan dengan jujur ikhlas dan orang yang benar-benar kasihkan Tuhan itu penglihatannya terlindung daripada segala sesuatu yang dikasihinya sewaktu mereka beribadah.

(Abū Yazīd Tayfūr)

\* \* \*

Ilmu pengetahuan yang digerakkan dengan perantaraan hati untuk memikir perkara-perkara yang ghaib itu lebih baik daripada pekerjaan yang dilakukan dengan anggota zahir.

### IBU DAN AYAH

Keseh pendidekan dan tata tertib ... \$1.50

### IBNU SINA

Siri kisah tokoh2 sejarah VII yang menarek ... 0.70

### KHAULAH dengan

### SUAMI-NYA

Siri kisah sejarah VIII ... 0.40

### DI-PENCHILKAN

Siri kisah tokoh2 sejarah IX ... 0.50

Pesanan tambah belanja pos 10 sen.

QALAM — 8247, Jln. 225

Petaling Jaya - Selangor.